



Anwar ketika menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Huda Sungai Ara, Bayan Lepas, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

Malaysia sedia percepat bantuan

BERITA HARIAN 06 APR 2024 *mf: 2*

PM mahu segera manfaat keputusan buka laluan bantu penduduk Gaza

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas: Malaysia bersedia menyegerakan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza melalui sempadan Rafah susulan perkembangan terbaharu di wilayah terkepung itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ia susulan media semalam melaporkan pejabat Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu mengumumkan akan membuka semula laluan Erez ke wilayah diantarabangsa itu buat kali pertama sejak serangan 7 Oktober.

Rejim Zionis itu juga akan membenarkan penghantaran sementara bantuan kemanusiaan melalui Ashdod dan pusat pemeriksaan Erez.

Perdana Menteri turut menyifatkan tindakan Israel membenarkan penghantaran 'bantuan sementara' melalui sempadannya di utara Gaza sebagai tanggungjawab rejim itu selepas sekian lama mengkhianati rakyat Palestin.

"Itu memang tanggungjawab dia (Israel). Dia dah khianat sekian lama. Orang dah hampir kebuluran baru nak cakap. Kita akan terus bagi tekanan.

"Kita *standby* di sempadan Rafah. Memang ada (bantuan) sudah tiga empat kali bantuan di-

salurkan," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Huda Sungai Ara, di sini, semalam.

Misi dibantu Presiden Mesir

Anwar memaklumkan misi bantuan dibantu Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi dalam usaha mempercepatkan penghantaran bantuan kepada penduduk terjejas.

Perdana Menteri turut memberi jaminan akan ada bantuan tambahan dihantar selepas beberapa siri penghantaran berjaya dilaksanakan sebelum ini.

"Dua kali saya minta Presiden (Mesir) Abdel Fattah El-Sisi, (terakhir) dua minggu lalu bantu dipercepatkan dan akhirnya sampai.

"Insya-Allah kita akan bantu

sebab masih ada petugas di sana dan ada ratusan lori menunggu giliran yang panjang. Jadi biar *clear* dahulu," katanya.

Pengumuman Israel itu dibuat ketika tekanan antarabangsa memuncak ke atas Israel selepas ia bertanggungjawab ke atas serangan yang mengorbankan tujuh pekerja bantuan World Central Kitchen (WTC) baru-baru ini.

Terdahulu, kira-kira 2,000 jemaah menunaikan solat Jumaat bersama Perdana Menteri yang diimamkan Syarafaat Yaacob dan mendengar khutbah bertajuk 'Kunci Menemukan Lailatul Qadar' disampaikan khatib, Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman.

Bantuan sementara dibenar ke utara Gaza - Dunia 24

Ibadat & Fadilat

Sayidatina Aishah RA meriwayatkan: Aku berkata: "Wahai Rasulullah, apa pendapatmu kalau aku dapat menepati Lailatulqadar, bagaimana aku harus berdoa" Baginda bersabda: "Bacalah: Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, suka mengampuni, maka ampunilah aku)." (HR Tirmizi)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:06	1:23	4:24	7:29	8:39
Alor Setar	6:06	1:23	4:24	7:28	8:38
P. Pinang	6:07	1:23	4:26	7:28	8:38
Ipoh	6:05	1:21	4:25	7:25	8:35
Kuala Lumpur	6:03	1:18	4:24	7:22	8:32
Shah Alam	6:03	1:18	4:24	7:22	8:32
Johor Bahru	5:55	1:10	4:18	7:13	8:22
Kuantan	5:58	1:13	4:19	7:16	8:26
Seremban	6:02	1:17	4:24	7:21	8:30
Bandar Melaka	6:01	1:16	4:23	7:19	8:29
Kota Bharu	5:59	1:16	4:17	7:21	8:27
K. Terengganu	5:56	1:12	4:15	7:17	8:26
Kota Kinabalu	5:03	12:20	3:22	6:25	7:35
Kuching	5:30	12:45	3:53	6:48	7:57